Heavenly Father, we offer this prayer with open hearts and a deep love for our nation. May Your blessings continue to flow upon Malaysia, making it a beacon of hope and righteousness for all to see. In the beautiful, wonderful and powerful name of Jesus Christ our Lord, we pray. Amen.



BE STILL

DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

**"He must increase, but I must decrease."
- John 3:30 ESV**

BACKGROUND & INFORMATION

This prayer guide was birthed as a companion when the pandemic restrictions began on March 18, 2020. Today, this prayer guide has served individuals, families and churches to encourage and to help to persevere in prayer for the kingdom of God to come and for God's will to be done in these unprecedented times. Since 2022, we have embarked on this new format which we hope will be helpful as an added resource for churches to use in their onsite prayer meetings and services.



An Adaptable Prayer Guide

Feel free to adapt this prayer guide for your own use. It is available in English, Bahasa Malaysia and Chinese.



Love Gifts and Seeds

If you would like to support the work of 24-7 Prayer Asia, and sow into this ministry, you can make a gift [here](#).



To Subscribe

If you would like to subscribe to the weekly prayer guide or if you have any testimonies to share, please drop us a message to support@247prayerasia.com



Contact us

Email: support@247prayerasia.com

Boiler Room Bookings:

Petaling Jaya - Terry Law

terry.law@247prayerasia.com

Putrajaya - Josie Paul

josie.paul@247prayerasia.com

JILID 2024-15



ISU #212



AHAD, April 14, 2024

PANDUAN DOA MINGGUAN

EDISI MALAYSIA

BAGAIMANA MENGGUNAKAN PANDUAN DOA INI

Pause

- **Berhenti sejenak** dan berdiam;

Rejoice & Reflect


- **Bersukacita**, memuji dengan Mazmur dan merenung atas Firman Tuhan;

Ask

- **Minta** dalam doa syafaat agar Allah campur tangan;

Yield

- **Serahkan** kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.



JEDA

BERHENTI SEKETIKA

DIAMKAN DIRI SECARA SENGAJA

Luangkan masa untuk bertenang semasa anda mempersiapkan diri sebelum anda memasuki waktu doa ini. Bernafas secara mendalam, diamkan diri dan sambutlah Roh Kudus semasa anda masuk ke dalam hadirat Allah yang kudus.



RENUNGAN MENDENGAR FIRMAN TUHAN

MEMBACA DAN MERENUNG

Perlahankan diri. Luangkan masa untuk mendengar firman Tuhan sebelum kami berbicara dengan-Nya.

— Apakah yang Dia katakan dari Firman-Nya? Baca, renung-renungkan dan berehatlah dalam hadirat-Nya. Marilah kami mendekatkan diri kepada Dia yang kami kasihi, kerana Tuhan terlebih dahulu mengasihi kami.

MAZMUR MINGGU INI



Mazmur 46:8-10 AVB

8 Marilah, lihat perbuatan TUHAN,
yang telah membawa kemusnahan kepada bumi.
9 Dia menghentikan perang di serata bumi;
Dia mematahkan busur dan lembing,
Dia membakar pedati dalam api menyala.
10 "Diamlah, dan ketahuilah Aku Allah;
Aku akan dimuliakan dalam kalangan bangsa-bangsa,
Aku akan dimuliakan di bumi ini."

MENDENGAR FIRMAN TUHAN

YOHANES

20:26-31 ^{AVB}

...DIBERKATILAH ORANG YANG PERCAYA WALAUPUN TIDAK MELIHAT-KU

26Seminggu selepas itu, para murid Yesus termasuk Tomas berhimpun lagi di situ. Sungguhpun pintu terkunci seperti dahulu, Yesus muncul dalam kalangan mereka lalu berkata, "Damai sejahtera kepada kamu!" 27Setelah itu, Dia berkata kepada Tomas, "Hulurkan jarimu di sini, dan lihatlah tangan-Ku. Hulurkan tanganmu dan masukkannya ke dalam rusuk-Ku. Jangan ragu-ragu lagi. Percayalah." 28Tomas pun berkata kepada Yesus, "Ya Tuhanku! Ya Allahku!" 29Yesus berkata kepadanya, "Tomas, oleh sebab kamu telah melihat-Ku maka kamu percaya. Diberkatilah orang yang percaya walaupun tidak melihat-Ku!" 30Yesus telah melakukan banyak lagi mukjizat di hadapan murid-murid-Nya, tetapi tidak ditulis dalam kitab ini. 31Tetapi segala yang telah ditulis di sini bertujuan supaya kamu percaya bahawa Yesus ialah Kristus, Anak Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu akan memperoleh hidup dalam nama-Nya.



YA TUHANKU! YA ALLAHKU!

Walaupun Tomas merupakan salah seorang pengikut Yesus yang paling rapat, dia bergelut dengan kepercayaan selepas kebangkitan Yesus. Tuhan Yesus, dalam kemurahan-Nya, tidak mengutuk Tomas kerana keraguannya tetapi sebaliknya menemuinya di tempat dia berada. Yesus menunjukkan kepada Tomas bahawa iman tidak buta, tetapi ia juga tidak bergantung semata-mata pada bukti fizikal. Iman yang benar adalah kepercayaan yang mendalam pada yang ghaib, penyerahan kepada kebenaran firman Tuhan. Kisah Tomas mengajar kita bahawa keraguan bukanlah bertentangan dengan iman tetapi lebih kepada satu langkah dalam perjalanan ke arah iman yang lebih mendalam. Yesus menjemput kita untuk mencari Dia, untuk meneroka keraguan kita, dan untuk menemui kebenaran yang membawa kepada kepercayaan yang tulen. Marilah kita ingat bahawa iman kita bukan hanya berdasarkan kepada apa yang kita boleh lihat dan sentuh, tetapi kepada Tuhan yang hidup yang menyatakan diri-Nya kepada kita melalui Firman-Nya, Roh-Nya, dan pekerjaan-Nya dalam hidup kita. Semoga kita, seperti Tomas, menyatakan dengan rasa kagum dan takwa, "Ya Tuhanku! Ya Allahku!" Dan semoga kita termasuk dalam golongan yang diberkati yang percaya tanpa melihat, dan mendapat hidup yang kekal dalam Yesus Kristus. Amin.



DOA KOMITMEN

Bapa itu segera berseru, "Aku percaya; tolonglah aku yang kurang percaya ini!"

Markus 9:24 AVB

Bapa Syurgawi, ampunilah kami pada masa-masa ketika kami telah membiarkan keraguan membayangi iman kami. Tolonglah kami untuk menyerahkan ketidakpastian kami kepada-Mu, mengetahui bahawa Engkau sabar dan pemurah, bersedia menemui kami dalam keraguan kami dan membawa kami kepada iman yang lebih dalam. Berilah kami keberanian untuk mencari-Mu dengan bersungguh-sungguh, dan percaya kepada janji-janji-Mu walaupun kami tidak dapat melihat hasilnya. Kami beriltizam untuk menanti-Mu dengan kesabaran dan ketabahan, sebab kami tahu bahawa Engkau setia untuk memenuhi janji-janji-Mu dalam masa-Mu yang sempurna. Bantulah kami untuk fokus bukan pada apa yang dilihat, tetapi pada perkara yang ghaib. Semoga kita termasuk dalam golongan yang diberkati yang percaya tanpa melihat, menemukan pengharapan dan kegembiraan kami hanya dalam Yesus Kristus. Dalam nama Yesus, kami berdoa. Amin.





MENYEMBAH

PUJIAN & KESYUKURAN

Namun Allah, yang kaya dengan belas kasihan, kerana kasih-Nya yang amat besar kepada kita, walaupun ketika kita telah mati disebabkan kesalahan kita, telah menghidupkan kita bersama Kristus – kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya.

Efesus 2:4-5 AVB

Tuhan yang Maha Pengasih, kami datang ke hadapan-Mu dengan hati yang dilimpahi rasa syukur dan kekaguman atas kebenaran yang dinyatakan dalam Firman-Mu. Kami memuji Engkau atas anugerah iman. Terima kasih atas jaminan yang Firman-Mu sediakan, membimbing kami melalui ketidakpastian kehidupan dan membawa kami ke dalam kehidupan yang berlimpah yang hanya terdapat dalam Yesus Kristus. Bantulah kami untuk mempercayai rancangan-Mu yang sempurna, walaupun kami tidak dapat melihat gambaran penuh. Terima kasih atas Roh-Mu yang berdiam dalam diri kami, membimbing kami, menghiburkan kami, dan memperkasakan kami untuk menjalani kehidupan yang menghormati dan memuliakan Engkau. Semoga hidup kami menjadi korban yang hidup, dan ibadah yang berterusan kepada-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Cadangan Lagu Pembukaan

LAYAKLAH SEGALA BANGSA

Besar dan ajaiblah karyaMu
Adil dan benarlah jalanMu
Raja s'gala bangsa
Yang Mahakuasa
Mulia namaMu

**Layaklah segala bangsa
Sujud kepadaMu
S'bab Kau Allah yang kudus
Layak disembah**



[Pautan YouTube](#)



BERMINTA

DOA SYAFAAT

Inilah masa untuk Meminta, Mencari dan Mengetuk.

Pakailah perkataan sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan. Doakan kurnia Roh Kudus agar anda dapat melayan Dia melalui semua kurnia Roh-Nya.

Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini.



1. PEMULIHAN NEGARA

"Lalu umat-Ku, yang dipanggil atas nama-Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku, dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka." - 2 Tawarikh 7:14 AVB

NYATAKAN KEMENANGAN KRISTUS

- Kita terus menyatakan kemenangan dalam Nama Yesus yang perkasa atas alam rohani, dengan kekuasaan Dia di bumi dan di syurga, atas setiap rancangan dan cita-cita peribadi, atas setiap perbuatan dan kubu kuat serta perbuatan untuk menghalang kerja pembaharuan Injil di negara ini.
- Doakan Putera Damai akan bertakhta dan menghalang sebarang rancangan dan perbuatan jahat baru yang sia-sia.
- Doakan penyembuhan atas negara kita yang berpecah-belah oleh kerana cara berpolitik yang terpesong berdekad-dekad ini, yang telah mengakibatkan polarisasi perkauman dan agama yang mendalam.

NYATAKAN KEDAMAIAN ATAS MALAYSIA

- Berkatilah Agong, sultan-sultan, Perdana Menteri dan menteri-menteri di dalam Kabinet Persekutuan. Doakan hikmat untuk kerajaan perpaduan agar mereka bertekad memimpin negara ini dengan baik.
- Doakan kedamaian atas Malaysia, atas bandar dan kampung anda, serta komuniti dan jiran-jiran anda.
- Doakan kedamaian dan pemulihan atas masyarakat yang telah berpecah-belah dan patah semangat.
- **Tekun berdoa** agar Injil dapat mengubah budaya dan negara ini.

MENCARI HIKMAT ALLAH

- Doakan agar para pemimpin diberkati dengan hikmat dan kearifan ilahi untuk mengharungi isu-isu semasa, keadaan ekonomi yang tenat, dan ketegangan perkauman. Semoga mereka ikhlas dan tekun memahami dan memenuhi tanggungjawab dan peranan masing-masing.
- Doakan para pemimpin dipimpin oleh prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan di dalam dasar-dasar, perbuatan, dan interaksi mereka, serta peka akan keperluan semua orang dengan penuh keadilan, belas kasihan, dan kesaksamaan di dalam pentadbiran.
- Doakan keputusan mereka akan selari dengan kasih, kebaikan, dan keadilan Allah.

2. KESTABILAN POLITIK, PERPADUAN NASIONAL & KEROSAKAN AKHLAK

"Melainkan TUHAN mendirikan rumah, sia-sialah tenaga orang yang membinanya. Melainkan TUHAN menjaga kota, sia-sialah pengawal berjaga malam." - Mazmur 127:1 AVB



Doakan perlindungan dari pernomalan kerosakan akhlak. Doakan terang Allah akan membongkarkan semua perbuatan jahat, dan kebenaran akan mengatasi semua percaturan politik.

- **Memerangi kerosakan akhlak.** Kita bersyukur atas pemberkasan pegawai polis, kastam, dan imigresen kerana mengambil rasuah dari sindiket-sindiket jenayah, penyeludupan, dan pemerdagangan. Terus doakan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (MACC). Doakan perlindungan ilahi serta para pegawai yang terlibat dalam siasatan. Doakan keterobosan untuk memerangi kerosakan akhlak di jabatan-jabatan awam serta di pangkat yang tinggi.
- **Menegakkan Keadilan dan Perbenaran di kalangan Pemimpin.** Doakan supaya para pemimpin kita akan dibimbing oleh roh keadilan dan perbenaran. Berikan mereka kearifan dan hikmat untuk menolak godaan berkompromi dengan prinsip-prinsip untuk keuntungan politik.
- **Bertekad untuk Mencontohi dan Mempromosi Perpaduan.** Semoga keputusan mereka sentiasa berakar di dalam komitmen untuk menegakkan nilai-nilai yang mempromosikan masyarakat yang adil dan saksama.
- **Memperkasakan Kebertanggungjawaban di antara Pelbagai Institusi.** Serahkan pelbagai institusi yang sepatutnya menegakkan keadilan, agar mereka dapat menangani tekanan politik yang berusaha menumbangkan integriti mereka, menjadi tanda keadilan dan tetap bertekad untuk mempertahankan kebenaran.

3. PARLIMEN DAN BADAN KEHAKIMAN

"Sebaliknya, biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan perbenarani seperti sungai yang selalu mengalir." - Amos 5:24 AVB



- **REFORMASI BADAN KEHAKIMAN:** Doakan peranan eksekutif sewaktu melantik para hakim akan disingkirkan untuk memastikan kebebasan badan kehakiman. Doakan proses perlantikan para hakim akan ditambahbaik. Doakan umur persaraan para hakim akan dilanjutkan melebihi 65 tahun supaya hakim-hakim terbaik di negara dapat dikekalkan. Doakan kerajaan semasa akan memberi peruntukan yang sesuai untuk membentuk Akademi Kehakiman untuk memenuhi keperluan melatih para hakim yang baik - di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, dan Mahkamah Persekutuan.
- **KEBEBASAN BADAN KEHAKIMAN:** Doakan perlindungan ilahi atas badan kehakiman dari serangan dari ahli politik yang berkuasa. Doakan keadilan di dalam segala hal serta para hakim akan tetap adil, berani, saksama, dan arif.
- **RUU355 DAN ISU KALIMAH ALLAH:** Doakan campur tangan ilahi atas perbahasan RUU355. Mari kita tekun berdoa untuk melihat campur tangan Allah supaya hak kebebasan beragama dipelihara, dan doakan Jawatankuasa Khas Islamik yang akan mengkaji bagaimana undang-undang Syariah yang ditubuhkan pada Ogos 2023 dapat bersepadu dengan Perlembagaan Persekutuan.
- **MEMPERTAHANKAN PERLEMBAGAAN NEGARA:** Doakan perlindungan ilahi atas mereka yang berani mempertahankan kedaulatan Perlembagaan Persekutuan. Terus doakan Badan Kehakiman akan mempertahankan doktrin struktur asas Perlembagaan Persekutuan dari sebarang usaha untuk melemahkan atau melanggarnya, agar ia tetap menegakkan prinsip-prinsip asas, kebebasan dan hak-hak asasi yang termaktub.

4. SABAH DAN SARAWAK

"Besi menajamkan besi, demikian juga orang menajamkan sesamanya." - Amsal 27:17 AVB



KEMARAU DI SABAH

- Sabah berhadapan dengan hasil padi yang kurang kerana musim kemarau sekarang yang dijangka menjejaskan kitaran pengeluaran yang seterusnya.
- Tempat tadahan air semakin kekurangan air, dan kebakaran hutan yang meningkat di Sabah sejak 6 minggu yang lalu. 6 dari 89 loji rawatan air tidak beroperasi dengan sepenuhnya.
- Doakan campur tangan ilahi untuk memulihkan Sabah serta hujan untuk turun menyegarkan tanah.



MISKIN TEGAR DI SABAH

- Jumlah miskin tegar di Sabah dicatat pada kadar 1.2%, 6 kali lebih tinggi daripada kadar kebangsaan (0.2%).
- Tongod merupakan daerah yang paling miskin, diikuti Beluran, Pitas, Kinabatangan, Kota Marudu, Tuaran, Ranau, dan Lahad Datu.
- Doakan semua program untuk membasmi kemiskinan di Sabah akan dikuatkasakan dengan betul tanpa sebarang penyelewengan dana. Doakan mereka dapat mengatasi cabaran ekonomi, sosial, dan infrastruktur.



PENDUDUK TANPA DOKUMEN DI SABAH

- Di Sabah terdapat generasi penduduk dari 4 suku yang tidak memegang dokumen: Filipino, Indonesia, Bajau Laut, dan pelarian dari suku-suku lain. Oleh sebab mereka tidak ada identiti sah yang rasmi, mereka tidak diberikan penjagaan kesihatan, pendidikan, dan pekerjaan. Tanpa harapan untuk masa depan yang lebih baik, ramai antara orang muda mereka telah mengambil nyawa sendiri.
- Doakan kehendak politik untuk menyelesaikan ini. Doakan belas kasihan dan keadilan yang patut diberikan agar mereka ada harapan dan masa depan yang lebih baik.

5. PENDIDIKAN, BELIA & KANAK-KANAK

"Kepada keempat-empat orang muda itu Allah mengurniakan pengetahuan dan kemahiran tentang berbagai-bagai tulisan dan ilmu sementara Daniel sendiri dapat memahami berbagai-bagai penglihatan dan mimpi." - Daniel 1:17 AVB



KEBAJIKAN, KESELAMATAN, & HAK KANAK-KANAK

- Doakan semua kanak-kanak di Malaysia untuk dilindungi dan diutamakan, termasuk yang bukan warganegara agar mereka dapat menerima pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perlindungan yang sewajarnya.
- *"Prinsip moral sesebuah masyarakat boleh dikenali melalui cara kanak-kanak dilayan."* - Dietrich Bonhoeffer



KANAK-KANAK YANG TIDAK BERNEGARA

- Terima kasih atas kemajuan di dalam penggubalan Perlembagaan yang melibatkan kanak-kanak.
- Doakan penggubalan lain yang harus diperbahaskan: Anak-anak kepada pemastautin tetap yang masih tidak berwarganegara, wanita warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia berisiko kehilangan status mereka jika bercerai, dan tempoh memilih kewarganegaraan dipendekkan kepada umur 18 tahun daripada 21 tahun.



JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK PALING TINGGI DI KELANTAN

- Telah dilaporkan di Parlimen bahawa Kelantan mempunyai jumlah kes rogol di bawah umur yang tertinggi, diikuti Terengganu dan Kedah. Menurut pihak polis, Kelantan mencatat jumlah kes rogol yang membimbangkan yang melibatkan budak di bawah umur serta pelajar sekolah.
- Doakan kubu kuat ini akan dihancurkan oleh terang Injil.

6. ISU-ISU KESIHATAN AWAM & SEMASA

"Aku berdoa semoga kamu berada dalam keadaan sejahtera serta sihat jasmanimu sebagaimana rohanimu berbahagia." - 3 Yohanes 2 AVB




KESEDARAN KESIHATAN MENTAL

- Doakan mereka yang menghadapi cabaran kesihatan mental dapat mencari pertolongan, pemulihan, dan sokongan.
- Doakan belas kasihan dan persefahaman untuk serta pen jagaan pesakit.
- Doakan kekuatan untuk menghadapi tekanan hidup serta kebolehan untuk pulih agar mereka dapat belajar dan bekerja dengan baik.



PEMBAHARUAN PENJAGAAN KESIHATAN AWAM

- Berdoa untuk kemahuan politik untuk memperbaharui sistem pen jagaan kesihatan awam.
- Berdoa agar kesejahteraan pekerja-pekerja kesihatan awam ditentukan dengan segera.
- Berdoa untuk penyelesaian cepat isu serius yang melibatkan pakar-pakar laluan selari, memandangkan masalah kehilangan bakat yang merisaukan yang dihadapi oleh kekurangan pakar dalam negara.



PENJAGAAN PESARA DAN PENUAAN

- Berdoa agar keperluan kesihatan yang semakin meningkat bagi golongan penuaan akan diutamakan.
- Doakan agar dakwaan bahawa Institut Jantung Negara (IJN) telah memberhentikan perkhidmatan bagi kakitangan kerajaan dan pesara kerana langkah pemotongan kos ditangani segera.
- Berdoa agar pencen bulanan diselaraskan semula untuk menghadapi tekanan inflasi.



RAKYAT CERGAS & SIHAT

- Berdoa untuk pihak berkuasa kesihatan untuk terus berwaspada terhadap sebarang peningkatan wabak yang membimbangkan: peningkatan batuk kering, demam denggi dan batuk kokol.
- Doakan rakyat yang sihat dan cergas supaya mereka dapat menikmati kualiti hidup seiring dengan usia mereka.
- Doakan agar mereka yang menghidap Covid panjang akan cepat sembuh.

7. PERPADUAN GEREJA & KEBANGUNAN ROHANI —

"Berusahalah mendapatkan perdamaian dengan semua orang, serta kesucian; tanpanya tiada sesiapa pun dapat melihat Tuhan." - Ibrani 12:14 AVB



Doakan gereja akan bertaubat kerana kurang berdoa, suam-suam sahaja, dan bersikap acuh tak acuh.

- **Pertumbuhan Rohani dan Kebangunan Rohani:** Doakan semua akan kembali kepada Kasih Pertama, diperbaharui dengan kerinduan Firman Allah serta perbenaran-Nya. Doakan kebangunan rohani untuk membangkitkan jiwa kita, agar setiap umat akan mendekati Allah dan lebih mengasihi Dia. Doakan kehidupan yang suci serta iman yang bersemangat dan kuat.
- **Perpaduan dan Persekutuan:** Doakan perpaduan di kalangan jemaat gereja. Doakan roh kasih, timbang rasa, dan perpaduan, agar setiap jemaat akan bersatu tanpa mengambil kira perbezaan antara mereka. Doakan talian persekutuan dan sokongan yang kuat untuk membina komuniti di mana setiap jemaat akan dihargai, disokong, dan didorong. Doakan pelbagai karunia Roh akan dicurahkan ke atas Gereja agar semua jemaat akan dibina. Doakan para pastor dan pemimpin untuk memelihara jemaat masing-masing dengan baik. Doakan penyembuhan dan perdamaian.
- **Misi yang Berkesan:** Doakan kesan gereja di kalangan masyarakat dan seterusnya. Doakan pimpinan ilahi di dalam usaha penjangkauan, misi, dan projek-projek pelayanan, agar gereja menjadi sinar harapan, kasih, dan belas kasihan. Doakan peluang untuk kongsi Injil dengan berkesan dan hati yang bersedia untuk menerima khabar tentang kasih Kristus dan penyelamatan.



8. MENJANGKAU YANG SESAT, SAKIT, DAN DIPINGGIRKAN

Kerana seluruh hukum Taurat terlaksana dalam satu ayat: "Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri." - Galatia 5:14 AVB




DOA-UNTUK-7

- Doakan Roh Kudus akan memberi kita nama 7 orang kawan, keluarga dan rakan sekerja untuk mengetahui Kristus sebagai Juruselamat dan Tuhan peribadi mereka.
- Doakan peluang dan ketekunan untuk kongsikan Injil dengan mengambil semua peluang yang ada.



CAMPURTANGAN TUHAN

- Mintalah hati yang berubah untuk mengasihi sebagaimana Yesus mengasihi.
- Doakan peluang dan campur tangan ilahi untuk perkongsian Injil.
- Doakan kepekaan untuk mengikuti gerakan Roh Kudus serta waktu tepat untuk kongsikan Injil.



PENYEMBUHAN BAGI MEREKA YANG SAKIT

- Doakan agar Tuhan akan menyembuhkan mereka yang sakit.
- Doakan mereka yang mengalami cabaran kesihatan mental.
- Berdoalah untuk kesembuhan pastor-pastor dan pemimpin-pemimpin yang sakit.
- Doakan penjaga-penjaga pesakit akan dikuatkan dalam pelayanan mereka.



PELARIAN, MIGRAN DAN PELAJAR ASING

- Berdoa agar pelarian dilindungi daripada eksploitasi dan layanan yang tidak berperikemanusiaan.
- Doakan penambahbaikan keadaan di pusat-tahanan yang biasanya kotor dan sesak.

9. PELAYANAN PENJARA & PEMULIHAN

Namun demikian, pada waktu tengah malam Paulus dan Silas berdoa dan memuji Allah. Sekalian yang terpenjara itu mendengar doa dan pujian mereka. - KPR 16:25 AVB



GEREJA DI DALAM PENJARA

- Doakan pertumbuhan komuniti dan pastor-pastor Kristian di dalam penjara-penjara yang akan menjadi saksi penting akan kuasa transformasi Injil.
- Doakan kecekalan dan keberhasilan organisasi Kristian, gereja-gereja, dan sukarelawan yang melayan.
- Doakan lebih ramai banduan akan bangkit sebagai pemimpin rohani.



KESESAKAN DI PENJARA

- Kami bersyukur atas doa yang dimakbulkan. Cadangan undang-undang baru yang melibatkan penyalahgunaan dadah secara kecil-kecilan sebagai kesalahan kecil akan menolong mengurangkan kesesakan di dalam penjara dan memberi pengguna dadah yang disabitkan kesalahan permulaan baru kerana melalui pemulihan dan bukan penjara.
- Berdoa agar lebih banyak peluang dibuka untuk pelayan di dalam penjara tanpa halangan.



KESATUAN DALAM PELAYANAN

- Doakan rancangan yang berkesan supaya pelayan di semua 40 buah penjara di Malaysia akan berjalan dengan lancar.
- Doakan lebih banyak gereja akan terlibat secara langsung untuk memberi sokongan dan penjagaan komuniti.
- Doakan kesatuan dan kerjasama untuk pelayan Jaringan Penjara Kristian peringkat kebangsaan yang baru ditubuhkan.



PASANGAN & KELUARGA

- Doakan keluarga-keluarga banduan dapat mengampuni mereka dan pemulihan terjadi.
- Doakan golongan pasangan, kanak-kanak, dan ahli keluarga yang rasa mereka juga 'terhukum', dan berasa sunyi dan terabai. Doakan pelbagai pelayan untuk menjalinkan perdamaian dan pertolongan praktikal.
- Doakan masa depan anak-anak mereka akan dipenuhi harapan dan cerah.

10. KEHIDUPAN KELUARGA

"Dengan sebab itulah aku bertelut kepada Bapa, yang daripada-Nya seluruh bangsa di syurga dan di bumi telah dinamakan." - Efesus 3:14-15 AVB



PERKAHWINAN

- Doakan perkahwinan yang kuat dan bahagia, di mana suami menunjukkan pemahaman dan menghormati isteri dia, kerana kedua-dua mereka merupakan rakan pewaris yang sama-sama menerima kasih kurnia hidup, agar "doamu kepada Allah tidak akan terhalang." - 1 Pet 3:7



KAUM BELIA & DEWASA MUDA

- Doakan atas para belia dan dewasa muda agar mereka akan membesar di dalam iman dan menjadi kuat di dalam Tuhan. *"Jangan biarkan sesiapa menghinamu kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian."* - 1 Tim 4:12



KANAK-KANAK

- Doakan perlindungan ilahi atas kanak-kanak, terutamanya pengaruh dan budaya dunia digital.
- Doakan mereka akan bertumbuh dengan matang dalam iman dan kebijaksanaan, seperti di dalam Lukas 2:52, "Yesus semakin membesar dan bijaksana. Dia diredai Allah dan manusia."



KELUARGA

- Doakan golongan bapa akan memimpin keluarga mereka dengan meneladani Kristus.
- Doakan ibubapa meneladani Kristus dalam segala aspek untuk anak-anak mereka, serta menjadi contoh positif di dalam keluarga dan komuniti.
- Doakan semua perhubungan di dalam keluarga akan berbelas kasihan, mesra dan bahagia.



DIRI SENDIRI

- Berdoa untuk diri sendiri menjadi duta Kristus yang setia, berhati tulus dan suci, tekun berdoa dan mendalami Firman Tuhan sentiasa.
- Berdoalah agar kami akan lapar dan dahaga akan kebenaran supaya doa kami berkuasa dan berkesan.

11. ASIA DAN GEREJA YANG TERANIAYA

"Bangsa-bangsa akan datang kepada terangmu, dan raja-raja kepada cahaya yang terbit bagimu." - Yesaya 60:3 AVB



ISRAEL & PALESTIN

- Berdoalah untuk kesejahteraan Yerusalem. (Mazmur 122:6-9)
- Doakan tebusan-tebusan yang ditahan di Gaza akan selamat pulang.
- Doakan Israel & Palestin untuk mengenal Putera Damai, kerana hanya melalui Dia, perdamaian yang nyata akan terjadi.
- Doakan keganasan akan berakhir, serta penyelesaian secara aman dan belas kasihan di dalam situasi sulit Gaza.



BELIA MYANMAR

- Doakan belia Myanmar yang dipaksa berkhidmat sebagai tentera oleh kerajaan tentera yang berkuasa sekarang.
- Doakan belas kasihan dan anugerah Allah atas rakyat Myanmar yang telah kian lama menderita selama ini.
- Doakan campur tangan ilahi untuk menghentikan semua serangan yang keganasan.



LAOS

- Laos menduduki tangga ke-21 sebagai negara di mana umat Kristian dianiaya di dalam Senarai Pantauan Dunia 2024 dari Open Doors. Agama Kristian ditentang keras kerana dianggap sebagai agama luar.
- Laos menghadapi cetusan wabak antraks yang sedang merebak dengan pantas. Doakan perlindungan atas semua rakyat Laos.
- Doakan umat Kristian akan tetap teguh dan setia di dalam iman mereka walaupun menghadapi kesengsaraan dan keganasan.



GEMPA BUMI KUAT DI TAIWAN & JEPUN

- Berdoa untuk usaha bantuan bencana selepas gempa bumi kuat di Taiwan dan Jepun. Berdoa agar penduduk dan penyelamat sentiasa berwaspada terhadap potensi gempa susulan dan tsunami.
- Doakan mereka yang kehilangan orang tersayang dalam musibah ini.
- Berdoa agar pihak berkuasa dapat memberikan bantuan segera kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal. Berdoa untuk membina semula infrastruktur.



DOA SPONTAN & KESYUKURAN

**Tambahlah doa dan
kesyukuran sendiri**

"Kamu akan mencari
hadirat-Ku dan menemukan
Aku apabila kamu mencari
Aku dengan segenap
hatimu.."

Yeremia 29:13 AVB

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebaskan hati anda sekarang. Bersyukur juga atas doa yang dimakbulkan.



MENYERAH DIRI

Semasa kita mengakhiri masa syafaat ini, marilah kita menyerah sepenuhnya kepada kehendak Bapa Syurgawi kami untuk semua yang telah kita doakan, agar di mana sahaja Dia menempatkan kita, kita yang telah diberkati akan menjadi berkat kepada yang lain.




DOA PENUTUP

Mari kami menyatakan kedatangan Kerajaan-Nya

DOA BAPA KAMI

Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.
Datanglah kerajaan-Mu.
Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.
Berilah kami makanan untuk hari ini.
Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni mereka yang
bersalah terhadap kami.
Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan
dan kemuliaan selama-lamanya. **AMIN.**

Matius 6:9-13 AVB



Cadangan Lagu Penutup

KEMENANGAN TERJADI DI SINI

Ku menyembah dalam kudus hadiratMu
Hampiri tahta kasih karuniaMu Bapa
Kekuatanku hanya dalam HadiratMu
Yesusku hanya Kaulah segalanya

**Kuyakin Kau hadir disini
Kurasakan Kuasa yang tak terbatas
Kuyakin Kau nyata di sini
Kemenangan (Kesembuhan, Kelepasan) terjadi di sini**

*Seg'nap Jiwaku memujiMu
Sungguh besar Kau Yesusku
Seg'nap Hatiku menyembahMu
Kau Besar Kau Besar Kau Besar Kau Besar*



[Pautan YouTube](#)

DOA BERKAT KEBANGSAAN ATAS MALAYSIA

"Wahai manusia, engkau telah diberitahu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut Tuhan daripadamu selain menegakkan keadilan, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?" - **Mikha 6:8 AVB**

"Ya Allah, kasihani dan berkatilah kami dan limpahi kami dengan sinar wajah-Mu, supaya jalan-Mu diketahui di bumi ini, penyelamatan-Mu diisytiharkan kepada semua bangsa. Biar umat memuji-Mu, ya Allah; biar semua umat memuji-Mu." - **Mazmur 67:1-3 AVB**

1. **Berkati Malaysia dengan pimpinan dan keadilan ilahi.** Berikan pemimpin dan pemerintah kami kebijaksanaan dan keberanian untuk bertindak secara adil, menegakkan prinsip keadilan untuk semua orang di dalam segala hal. Semoga keadilan menjadi batu asas rakyat Malaysia.
2. **Berkati Malaysia dengan belas kasihan dan perpaduan.** Penuhi kami dengan kasih dan belas kasihan atas semua orang, sepertimana Engkau telah lakukan untuk kami. Semoga kami menghulurkan kebaikan dan pengampunan kepada semua orang, memupuk perpaduan dan kesefahaman. Kami berdoa agar Engkau menyatukan kami di dalam kasih dan perpaduan. Tolonglah kami saling menerima sesama sendiri, sebagai satu rakyat yang harmoni dan penuh kasih.
3. **Berkati Malaysia dengan kerendahan hati agar kita sentiasa bergantung kepada-Mu, ya Tuhan.** Semoga kami hidup dengan penuh rendah hati, mengakui harapan kami hanya terletak di dalam-Mu, dan mengenali nilai setiap individu di dalam masyarakat majmuk kita.
4. **Berkati Malaysia dengan berkat dan harapan yang bersinar.** Semoga berkat-Mu mengalir atas negara kami seperti hujan, memberi pemulihan kepada rakyat dan bumi ini. Curahkan belas kasihan, kebaikan, dan timbang rasa-Mu atas kami. Semoga Tuhan menyinari kami dengan wajah-Mu, sebagai tanda hadirat dan kemurahan hati-Mu, menghapuskan kegelapan dan membawa harapan serta penyembuhan atas seluruh Malaysia.
5. **Berkati Malaysia dengan menyatakan rancangan dan kuasa-Mu yang menyelamatkan.** Kuatkan kami, ya Tuhan, untuk meneladani Kristus, dan memberitakan Injil-Mu dengan berani melalui kata-kata, perbuatan, dan tindakan kami. Semoga Malaysia menjadi saksi kepada kasih-Mu, di mana keadilan, belas kasihan, dan kerendahan hati berleluasa, dan kuasa penyelamatan-Mu dilihat oleh semua bangsa.

Bapa Syurgawi, kami berdoa dengan hati terbuka dan kasih yang mendalam untuk negara kami. Semoga berkat-Mu terus mengalir di Malaysia, dan jadikan negara ini sebagai tanda harapan dan kebenaran untuk semua. Kami berdoa di dalam nama Yesus Kristus, Tuhan kita, yang indah, ajaib, dan berkuasa. Amin.

TETAPKAN HATI DALAM TUHAN

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

"Memang sewajarnya Dia semakin utama dan aku semakin kecil."

- Yohanes 3:30 AVB

LATAR BELAKANG & MAKLUMAT

Panduan doa ini dilahirkan sebagai teman apabila sekatan pandemik bermula pada 18 Mac 2020. Hari ini, panduan doa ini telah digunakan secara individu, keluarga dan gereja juga, untuk menggalakkan dan memberkati supaya kita terus berdoa agar kerajaan Tuhan datang dan kehendak Tuhan dilaksanakan pada saat-saat yang tidak tertentu ini. Untuk tahun 2023, kami telah memulakan format baharu ini yang kami harap akan membolehkan kalian menggunakan sumber ini di gereja secara bersemuka atau dalam talian.



Panduan Doa Yang Boleh Disesuaikan

Panduan doa ini boleh disesuaikan untuk kegunaan anda sendiri. Ia boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina.



Pemberian Kasih dan Menyemai Benih

Jika anda ingin menyokong kerja 24-7 Doa Asia, dan menyemai dalam pelayanan ini, anda boleh memberi hadiah kasih [di sini](#).



Untuk Melanggan

Jika anda ingin melanggan panduan doa mingguan ini atau jika anda mempunyai sebarang kesaksian atau perkongsian, sila hantar mesej kepada kami ke support@247prayerasia.com



Hubungi Kami

Emel: support@247prayerasia.com
Tempahan **Bilik Doa Boiler:**
Petaling Jaya - Terry Law
terry.law@247prayerasia.com
Putrajaya - Josie Paul
josie.paul@247prayerasia.com